

Bbahul dan Hubungannya dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus

Abstract

Bbahul ialah sejenis puisi tradisional etnik Rungus yang tinggal di daerah Kudat, Sabah. Puisi tersebut sangat popular dan dituturkan dalam kalangan etnik Rungus pada tahun-tahun sebelum 1980-an namun tidak lagi pada masa ini. Bbiruhui pula ialah kepercayaan turun-temurun etnik Rungus yang berkonsepkan Minamangun sebagai Pencipta Yang Esa, diikuti oleh pelbagai semangat baik dan semangat jahat yang dipercayai berada di alam ghaib. Kajian ini merupakan kerja lapangan dan penulis merakamkan dan mendokumentasikan bbahul lisan dan maklumat berkenaan kepercayaan Bbiruhui daripada sumber etnik Rungus. Pada peringkat awal kerja lapangan, beberapa orang sumber memaklumkan bahawa sesetengah bbahul akan disampaikan oleh bobollizan (pakar upacara) dalam upacara Moginumbagi mengubati beberapa jenis penyakit. Hal sedemikian menunjukkan bbahul mempunyai kaitan rapat dengan kepercayaan turun-temurun etnik Rungus. Dalam artikel ini, kepercayaan Bbiruhui sebagai sejenis kepercayaan rakyat akan diketengahkan. Pendapat sesetengah pengkaji yang beranggapan bahawa etnik Rungus ialah pagan jugaturut disanggah. Seterusnya, sejumlah bbahul terpilih yang berkait dengan kepercayaan Bbiruhui akan dianalisis bagi mendalami unsur-unsur kepercayaan yang terkandung di dalamnya. Dengan berbuat demikian, hubungan antara bbahul dengan kepercayaan Bbiruhui akan didalami.